



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 10 JUN 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PUTRAJAYA, STATE GOVTS TO CONTROL DURIAN FOREIGN INVESTMENT, SAYS MINISTER, NEWS, TAMILMALAR -2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2. 3. 4.	KUPANG SUMBER REZEKI NELAYAN, MEGA AGRO, UTUSAN MALAYSIA -28 KUPANG TERBANYAK DI PERAIRAN JOHOR, MEGA AGRO, UTUSAN MALAYSIA -29 MASALAH INDUSTRI KERANG-KERANGAN, MEGA AGRO, UTUSAN MALAYSIA -29	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	USAHAWAN TAK SANGKA USAHA BOTOLKAN BUAH TERBUANG BERI PULANGAN RM7000 SEBULAN, NEWS, HARIAN METRO -30	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	PERIUK KERA, TUMBUHAN PENTING, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -9	INSTITUT PENYILIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
7.	PESAWAH RUGI ANGKARA SIPUT, SENTRAL, SINAR HARIAN -20	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
8. 9.	PADI WANGI MRQ76 SETARAF BERAS WANGI IMPORT, SEMASA, NEW SABAH TIMES BAHASA (KK) -6 HOMEGROWN MRQ76 EQUAL TO IMPORTED FRAGRANT RICE, HOME, BORNEO POST (KK) -6	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Putrajaya, state govts to control durian foreign investment, says minister		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	10 Jun 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	2	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	251 cm ²
Journalist	NULL	AdValue	RM 1,290
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,870



டுரியான் தொழில்சூறையில் அந்நிய முதலீடு கண்காணிக்கப்பட்டு வருகிறது

கோலாலம்பூர், ஜூன் 10—
டுரியான் தொழில்துறையில் உள்ளூர் நிறுவனங்களுடன் வெளிநாட்டவர்களின் பங்குடமையை கண்காணிக்க கொள்கைகள் வகுக்கப்படும் என விவசாயம் மற்றும் விவசாயம் சார்ந்த தொழில்துறை அமைச்சர் சலேஹுடின் அபுப் கூறினார்.
மாநில நிலங்களை



ஊராட்சிமன்றங்கள் நிர்வகித்து வருகின்றன. மத்திய அரசாங்கம் இதற்கான விதிமுறைகளை வகுத்துத் தரலாம் என அவர் குறிப்பிட்டார்.

டுரியான் தொழில்துறையில் முதலீடு செய்ய விரும்பும் அந்நிய முதலீட்டாளர்கள், கூட்டு முதலீட்டில் ஈடுபட வேண்டும் என அவர் சொன்னார்.

இதுபோன்ற கூட்டு முதலீட்டில் ஈடுபட்டால் மட்டுமே அந்நிய முதலீட்டாளர்கள் இங்குள்ள நிலங்களை வாங்க முடியும் என அவர் சொன்னார். சீனாவில் அதிக தேவையை கொண்ட மூசாங் கிங் டுரியான் மரங்களை நட இங்கு காடுகள் அழிக்கப்பட்டு

வருகிறது.

அதிகமான உள்ளூர் விவசாயிகள் இந்த டுரியான் தொழில்துறையில் தீவிரமாக ஈடுபட்டு வருவதாக அவர் குறிப்பிட்டார்.

இருப்பினும், தற்போது நிலைமை கட்டுப்பாட்டில் இருந்து வருகிறது. மாநில அரசாங்கத்தின் சட்ட திட்டத்தின் கீழ் ஒவ்வொரு மாநிலத்திலும் நிலங்கள் கட்டுப்பாட்டில் வைக்கப்பட்டுள்ளதாக அவர் குறிப்பிட்டார்.

மலேசியாவின் டுரியான் தொழில்துறையில் குறிப்பாக சீனா அதிக ஆர்வம் காட்டி வருவதாக சலேஹுடின் தெரிவித்தார்.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2019	UTUSAN MALAYSIA	MEGA AGRO	28

Kupang sumber rezeki nelayan

Oleh AQILAH MIOR KAMARULBAID
aqilah.mk@gmail.com



KOMUNITI nelayan merupakan golongan yang mudah terancam apabila berhadapan dengan risiko terutama pada musim tengkujuh.

Malah, pada ketika itu nelayan dinasihatkan untuk tidak turun ke laut ekoran ombak bergelora dan cuaca tidak mengizinkan sekali gus menggugat pendapatan mereka.

Namun, sejak beberapa tahun lalu industri perikanan makin berkembang terutama berkaitan kupang yang menjadi pilihan kebanyakan nelayan.

Sebelum ini juga Jabatan Perikanan mengadakan perbincangan dengan Majlis Perundingan Industri (MPI) bagi memacu hala tuju industri akuakultur negara pada masa hadapan.

Perbincangan tersebut bagi membincangkan hala tuju industri dan permasalahan dalam industri akuakultur yang menyumbang kepada bekalan protein.

Difahamkan, sumber perikanan negara berada pada tahap optimum apabila sektor akuakultur disasarkan dapat menyumbang 50 peratus kepada bekalan ikan negara.

Kelebihan laut yang tenang dan bersih di Kampung Sungai Sembilang, Kuala Selangor membolehkan golongan nelayan di situ mula menginjakkan diri dengan menceburi satu lagi bidang akuakultur iaitu ternakan kupang sebagai sumber pendapatan sampingan sejak November tahun lalu.

Menurut Ketua Komuniti MyKP Kampung Sungai Sembilang, **Nor Hizam Harif**, 47, ternakan kupang mampu menghasilkan pendapatan yang lumayan dan berpanjangan.

Sejak mengikuti kursus mengenai teknik ternakan kupang di Jabatan Perikanan Johor dan Melaka tahun lalu, beliau mendapati industri akuakultur itu dapat membantu menampung kehidupan nelayan untuk hidup lebih selesa.

Katanya, ketika ini harga pasaran kupang adalah RM6 sekilogram.

"Tempoh kupang membesar dianggarkan selama lapan bulan sebelum boleh dijual. Kupang yang ditenak di sini dijangka bersaiz antara lima hingga lapan inci," katanya.

Kaedah

penternakan yang mudah dan tidak memerlukan perhatian rapi membolehkan golongan nelayan di sana bekerjasama melaksanakan penternakan tersebut dan pada masa sama masih turun ke laut menangkap ikan.

"Walaupun baru memulakan ternakan ini tetapi kami sudah dihubungi oleh perah yang berminat untuk menjual kupang di pasaran," jelasnya.

Ekoran masih terdapat peralatan yang boleh dikitar semula seperti jaring, projek ternakan kupang di Kampung Sungai Sembilang mampu menjimatkan kos.

"Sumber benih juga tidak menimbulkan masalah kerana benih kupang akan melekat pada jaring dan tali secara semula jadi.

"Buat masa ini terdapat empat projek kupang yang diusahakan melalui peruntukan sebanyak RM50,000 yang diberikan oleh kerajaan. Setiap satu projek boleh menampung sehingga satu tan kupang," ujarnya.

NELAYAN melihat bersih dan anak kupang yang ditenak di Sungai Sembilang, Selangor.



NELAYAN di Kampung Sungai Sembilang terlibat dalam ternakan kupang untuk mendapat pendapatan sampingan bagi menyara kehidupan.



TAYAR yang tidak digunakan boleh dikitar semula dalam projek ternakan kupang.

Kupang terbanyak di perairan Johor

PENTERNAKAN kupang semakin popular dalam kalangan nelayan ekoran nilai komersial serta permintaan yang tinggi terutama dari industri makanan laut.

Aktiviti akuakultur tersebut menjadi pilihan nelayan kerana tidak memerlukan perhatian yang khusus selain diternak sebagai sumber pendapatan tambahan.

Pelbagai projek dianjurkan sejak beberapa tahun lalu oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan bagi mengembangkan usaha perniagaan dalam bidang akuakultur supaya industri itu berkembang serta mendatangkan sumber pendapatan sampingan yang lumayan.

Pengarah Kanan Penyelidikan Jabatan Perikanan, **Dr. Zainoddin Jamari** berkata, penternakan kupang paling banyak di perairan Selat Tebrau dan Pantai Barat Semenanjung iaitu dari Pontian, Johor sehingga Melaka.

Katanya, spesies kupang komersial yang terdapat di negara ini adalah *Perna viridis* yang diternak oleh nelayan selain spesies yang dahulunya banyak di perairan negara seperti *Mytella charruana*, *Brachidontes pharaonis*, *Modiolus moduloides* dan *Arcuatula senhousia*.

"Menurut perangkaan Jabatan Perikanan pada 2017 menunjukkan pengeluaran kupang negara terbanyak di Johor iaitu 2,231.62 tan metrik, diikuti Sarawak (29.60 tan metrik, Perak (6.50 tan metrik dan Pahang (3.17 tan metrik)," katanya.

“Kawasan yang sesuai untuk pembiakan kupang perlulah di kawasan perairan yang terlindung dan terdapat pelekatan benih kupang secara semula jadi pada substrat yang ada di situ seperti batu, batang kayu tenggelam dan kehadiran makanan (fitoplankton).”

Tambah Zainoddin, masa depan industri kupang amat besar berdasarkan nilai komersialnya. “Pada masa kini, selain kupang segar, ia turut dijadikan separuh beku (*half shell frozen*),” ujarnya.

Kawasan yang sesuai untuk pembiakan kupang perlulah di kawasan perairan yang terlindung dan terdapat pelekatan benih kupang secara semula jadi pada substrat yang ada di situ seperti batu, batang kayu tenggelam dan kehadiran makanan (fitoplankton).

Pun begitu, ancaman alam sekitar dan aktiviti manusia seperti pembangunan tidak terkawal di kawasan daratan yang mencemarkan perairan dengan tanah atau lumpur dan sisa industri yang dilepaskan ke perairan boleh menjejaskan kemandirian kupang.



DR. ZAINODDIN
JAMARI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2019	UTUSAN MALAYSIA	MEGA AGRO	29

Masalah industri kerang-kerangan

Pembangunan industri kerang-kerangan di negara ini masih berdepan kekangan antaranya disebabkan oleh masalah benih. Kerang-kerangan adalah merujuk organisme bercengkerang seperti kerang, kupang tiram, remis dan siput. Sebagai contoh, spesies tiram boleh dihasilkan menerusi penetasan, tetapi permintaan tidak dapat dipenuhi oleh beberapa pusat penetasan tempatan.

Justeru, benih terpaksa diimport dari Thailand. Masalah lain antaranya persekitaran semulajadi yang terjejas dan kawasan ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh parameter persekitaran.

Pakar kerang-kerangan dari Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Aziz Arshad memberitahu, ada kes kematian melibatkan organisme tersebut baru-baru ini, kekurangan kerang dan kematian sekali-sekala yang boleh dikaitkan dengan keadaan alam sekitar yang buruk.

"Oleh itu perlindungan kawasan semula jadi mesti diberi keutamaan oleh Jabatan Perikanan dan Jabatan Alam Sekitar untuk memastikan tiada gangguan dan ini akan memastikan persekitaran yang sesuai untuk ladang akuakultur," ujarnya.

Kualiti induk kata beliau, tidak pernah diberi perhatian yang serius.

Justeru, aspek pemilihan benih yang

sesuai diberi perhatian bagi membolehkan pengeluaran hasil yang baik.

Selain itu katanya, penekanan terhadap pemilihan genetik yang sesuai dan adanya

penambahbaikan amat penting bagi memastikan kualiti yang lebih baik dan meningkatkan pengeluaran.

Masalah pengurangan habitat yang sesuai akibat projek pembangunan pesisiran pantai telah

menjejaskan industri tersebut.

Kata beliau lagi, habitat yang hilang dengan jelas mungkin dapat dilihat di Selat Tebrau. Ini kerana kawasan tersebut pada masa dahulu menjadi kawasan penghasilan kerang hijau utama di Semenanjung.

"(Walaupun bagaimanapun) pembangunan Pasir Gudang dan kawasan perindustrian berhampiran serta wujudnya hutan bandar dan perkembangan pesisirnya telah memberi kesan kepada pertumbuhan kerang.

"Pengkulturan organisme pemakanannya memerlukan aliran air yang baik dan membolehkan plankton untuk berkembang," ujarnya.

Air yang keruh dan kurang produktif akan mengakibatkan penuaian yang tidak baik dan tempoh kultur yang panjang.



DR. AZIZ ARSHAD



INDUSRTI kerang-kerang perlu diperkasa untuk kebalkan industri.

Headline	Kordial cermai		
MediaTitle	Harian Metro (Melaka Negeri Sembilan)		
Date	10 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	9,582
Page No	30	Readership	28,746
Language	Malay	ArticleSize	419 cm ²
Journalist	Mohd Amin Jalil	AdValue	RM 12,300
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,900



Foto: MOHD AMIN JALIL



AZMAN dan anaknya, Fatim Munirah menunjukkan sebahagian produk berasaskan buah cermai yang dipasarkan.

Mohd Amin Jalil
am@hmetro.com.my

Seremban

Melihat banyak buah cermai terbiar dan membusuk di atas tanah mencetuskan idea buat Azman Samad, 50, untuk memanfaatkan dengan menjadikannya sebagai produk komersial.

Azman yang berasal dari Rembau berkata, dia mengeluarkan kordial cermai kerana buah itu mudah diperoleh, selain tiada usahawan lain dari negeri itu berbuat demikian.

"Saya mula mengeluarkan kordial cermai sejak awal tahun lalu hasil kerjasama dan bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan selain Institut Penyelidikan Pertanian

■ Usahawan tak sangka usaha botolkan buah terbuang beri pulangan RM7,000 sebulan

Malaysia (MARDI).

"Saya dapati ia berpotensi untuk berkembang kerana cermai antara buah-buahan tempatan.

"Walaupun tidak ramai yang suka makan buah cermai mentah dengan menjadikannya sebagai kordial, ia menerima sambutan amat baik.

"Saya tidak menyangka usaha dilakukan bersama ahli keluarga memberi pulangan memberangsangkan," katanya di sini.

Azman yang dibantu isteri, Sofinar Din, 45, dan anaknya, Fatim Munirah, 22, berkata, buah cermai itu diproses dan dibotolkan di bengkel milik Jabatan Pertanian Daerah Port Dickson di Linggi sebelum dipasarkan.

Bapa kepada lima anak berusia antara 10 hingga 25 tahun itu berkata, dia memasarkan sendiri produk terbit dengan menyertai program keusahawan anjuran agensi kerajaan selain di pasar tani kekal dan pasar malam.

Menurutnya, sebanyak 2,000 botol dapat dijual da-

lam sebulan dan dia melantik beberapa ejen bagi merencanakan aktiviti pemasaran.

"Saya membuka peluang kepada usahawan muda khususnya atau mereka yang baru hendak berjinak-jinak dalam perniagaan untuk bekerjasama berkongsi rezeki bagi memasarkan produk kordial cermai ini.

"Hasrat saya meluaskan pasaran produk ini sehingga ke Singapura dan Thailand menjelang akhir tahun ini dan yakin ia boleh dicapai dengan bantuan FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan)," katanya yang kini memperoleh pendapatan antara RM6,000 hingga RM7,000 sebulan.

FAKTA
Usahawan kongsi rezeki bagi memasarkan produk kordial cermai

Headline	Periuk kera, tumbuhan penting		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	10 Jun 2019	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	9	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	798 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,612
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,835



Periuk kera, tumbuhan penting

KEBELAKANGAN ini nama periuk kera menjadi buaian umum kerana keimbangan pencina alam akan nasib tumbuhan liar itu seandainya dituai berlebihan oleh masyarakat.

Dikenali dengan nama saintifiknya 'Nepenthes', periuk kera adalah tumbuhan yang mempunyai bentuk unik seakan periuk atau mangkuk ini. Dianggarkan terdapat 170 spesies tumbuhan ini di seluruh dunia.

Malaysia menjadi tempat tinggal kepada 46 spesies Nepenthes, 11 daripadanya ada di Semenanjung manakala 35 spesies lagi dapat ditemui di Sabah dan Sarawak.

Spesies Nepenthes Rajah adalah spesies periuk kera terbesar di dunia dan hanya boleh ditemui di Gunung Kinabalu, Sabah. Ia boleh membesar sehingga 41 sentimeter tinggi dan 20 sentimeter lebar serta boleh mengisap sehingga 3.5 liter air di dalam mangkuknya.

Spesies lain yang terkenal di negara ini adalah Ampullaria, Lowii, Albomarginata, Gracilis, Macfarlanei dan Rafflesiana.

PENYUBUR HUTAN

Di sebalik rupanya yang unik, ramal yang tidak tahu periuk kera memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan dan pembesaran hutan.

Untuk memahami lebih lanjut perihal periuk kera, Bernama membebaskan pasukan penyelidik dari Program Konservasi dan Pengurusan Sumber Agrobiodiversiti, Pusat Penyelidikan Biodiversiti dan Persekitaran, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Menurut Ketua Pengarah

Penyelidikan program itu, Dr. Rosliza Jajuli, kelebihan tumbuhan ini adalah kemampuannya hidup di kawasan kurang subur kerana sumber nutriennya tidak bergantung kepada tanah semata-mata.

"Ia boleh mencernakan daun-daun kering, serangga atau binatang yang terperangkap di dalamnya untuk hidup, bergantung kepada spesies dan saiz. Kerana itulah ia tidak memerlukan sumber nutrien sepenuhnya daripada tanah," kata beliau.

Ketika sesuatu kawasan belum subur sepenuhnya, periuk kera hidup di kawasan itu dan dalam tempoh puluhan tahun membantu menjadikan tanah menjadi lebih subur menjadikan ia sesuai dihuni tumbuhan lain.

Ini adalah antara sebab periuk kera mudah ditemui di kawasan pinggir hutan kerana kawasan itu belum subur sepenuhnya, tambah beliau.

Uniknya tumbuhan ini adalah dalam keadaan tertentu ia menjadi sumber kehidupan kepada haiwan di dalam habitat yang sama. Sebagai contoh, ketam gunung darf spesies 'Geosassama' sangat bergantung kepada spesies Ampullaria yang hidup di kawasan gunung untuk mendapatkan sumber air.

Sementara itu spesies Rafflesiana turut memainkan peranan sebagai tempat tinggal kepada kelawar spesies Kerivoula hardwickii kerana saiznya yang cukup besar untuk memuatkan haiwan itu.

DIANCAM

Sementara itu Penyelidik Kanan program sama Dr. Mohd Norfaizal Ghazali berkata tumbuhan ini sedang mengalami beberapa jenis ancaman yang menyebabkan ia semakin sukar dida-

pat. Mohd Norfaizal yang sudah berkali-kali mengikuti ekspedisi meninjau keadaan hutan negara mengakui pada hari ini tumbuhan periuk kera semakin sukar dapat dilihat berbanding beberapa tahun dahulu.

"Dalam satu ekspedisi bersama Jabatan Perhulanan dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (Perhilitan) pada Mac lalu di suatu tempat di Semenanjung Malaysia mendapati spesies Ampullaria dan Gracilis tidak lagi boleh ditemui di suatu kawasan yang dahulunya subur dengan spesies ini sewaktu lawatan saya lima tahun dahulu," jelas beliau.

Membincangkan punca situasi itu, beliau berkata ada dua faktor utama yang boleh memainkan peranan iaitu faktor semula jadi dan faktor manusia.

Faktor semula jadi yang biasanya berlaku adalah kebakaran belukar akibat musim panas. Kerana kebanyakan tumbuhan periuk kera tumbuh melela di kawasan rendah, ia mudah dijilat api jika kebakaran belukar berlaku.

Namun faktor yang lebih ditimbulkan adalah peranan manusia dalam pambukaan kawasan hutan yang tidak terkawal, penanaman periuk kera bagi tujuan komersial serta penulatan anak pokok secara haram bagi memenuhi permintaan peminat tumbuhan eksotik.

Seorang lagi pegawai penyelidik Mardi, Amin Asyraf Tamizi berkata untuk menghalang perkara-perkara di atas daripada berlaku memanglah tidak mudah untuk dilakukan jadi apa yang boleh dibuat adalah

terus memberi pendidikan dalam meningkatkan kesadaran masyarakat tentang kepentingan tumbuhan ini kepada alam semulajadi.

Untuk nota, spesies Ampullaria biasa dituai untuk tujuan kuliner serta spesies Macfarlanei pula menjadi semakin berkurangan akibat pengambilan secara haram untuk dijual sebagai tumbuhan hiasan.

PENGGOMERSILAN

Berikutan populariti terhadap periuk kera yang semakin meningkat terutamanya bagi tujuan kuliner dan hiasan, beberapa pihak mencadangkan agar ia dapat ditanam secara komersial demi memenuhi permintaan pasaran.

Namun menurut Rosliza, ia tidaklah mudah untuk dilaksanakan.

"Periuk kera memerlukan kira-kira dua tahun untuk mem-

besar

sehingga mencapai saiz yang biasanya diinginkan pihak yang mahu menggunakannya bagi tujuan kuliner seperti membuat lemak, nesi lemak dan kuih apam.

"Jika kita betul-betul serius mahu mengkomersilkan tumbuhan ini, kerajaan perlu memberi peluang kepada insiatif seperti Mardi untuk menjalankan kajian terhadap beberapa spesies yang mendapat permintaan tinggi supaya ia tidak pupus," alas beliau.

Sehingga hari ini belum ada sebarang kajian dibuat untuk mengkomersilkan periuk kera sebagai tanaman pertanian oleh itu belum ada sebarang gambaran sekiranya ada teknologi yang boleh digunakan untuk mendapatkan hasil yang banyak sambil mempercepatkan pertumbuhannya. - BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2019	SINAR HARIAN	SENTRAL	20

Pesawah rugi angkara siput

Kerugian akibat anak padi rosak dianggarkan mencecah RM7,000 hingga RM10,000

NORAWAZNYUSOF

PEKAN

Ancaman siput gondang emas (SGE) menyebabkan pesawah di Kampung Pahang Tua di sini, mengalami kerugian sehingga RM10,000.

Kerugian itu bukan sahaja membabitkan anak pokok musnah dimakan siput, tetapi pesawah juga terpaksa mengeluarkan belanja tambahan untuk membeli racun bagi membunuh hidupan tersebut.

Pesawah Ishak Abdul, 51, berkata akibat ancaman itu dia mengalami kerugian antara RM7,000 hingga RM10,000.

Menurutnya, kemusnahan

bukan disebabkan serangan SGE sahaja, sebaliknya tikus, burung biru dan belibih antara penyebabnya kerosakan pada tanaman mereka.

"Setiap kali musim menanam, racun terpaksa digunakan bagi memastikan anak pokok padi berumur 20 hari tidak mendapat ancaman itu.

"Tapi bila kita tengok sebulan dua ini ancaman itu terus berlaku dan pembiakan SGE seperti sukar untuk di kawal," katanya ketika ditemui di Kampung Pahang Tua semalam.

Katanya, terdapat sejenis racun import keluaran negara jiran dapat membunuh SGE namun disebabkan tidak didaftarkan menyebabkan kerajaan melarang penggunaannya di negara ini.

Jelasnya, bagi menyelesaikan ancaman SGE di sawah Kampung Pahang Tua dan beberapa sawah lain di daerah penggunaan racun itu perlu.

"Saya berharap kerajaan dapat memikirkan untuk meluluskan penggunaan racun terbabit," katanya.



Ishak menunjukkan SGE yang banyak terdapat di bawah Kampung Pahang Tua.

Ishak berkata, usaha lain terpaksa dilakukan olehnya dan pesawah lain dengan cara memungut SGE dewasa yang terdapat dalam sawah termasuk menggunakan itik yang akan makan anak siput dalam sawah.

"Saya mengusahakan sawah seluas 12.14 hektar di kawasan sawah Kampung Pahang Tua, setiap musim terdapat beberapa petak diserang SGE yang aktif

pada waktu petang dan malam.

Hampir semua pesawah di sini menghadapi masalah yang sama.

"SGE bergerak masuk ke dalam petak sawah bersama air yang dialirkan terutama pada peringkat awal penanaman, siput terbabit akan makan daun anak benih padi hingga menyebabkan pokok mati selain pertumbuhan tidak sekata," katanya.

Sementara itu, pengarah Ka-

KESAN SERANGAN SIPUT GONDANG EMAS

- Kerosakan berlaku apabila siput memakan anak padi yang baru tumbuh (2-4 minggu selepas tabur).
- Siput memakan anak padi sampai ke pangkal pokok menyebabkan pokok padi tidak dapat pulih.
- Serangan siput membentuk kelompok-kelompok dalam sawah seperti anak benih tidak tumbuh.

wasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan Muhd Rizal Baharom berkata, pihaknya sentiasa membantu pesawah bagi mengatasi masalah serangan SGE yang kini semakin serius dan membimbangkan.

Katanya, selain menyediakan racun, pihaknya turut mengadakan program gotong-royong memungut SGE.

Bagaimanapun katanya, selepas beberapa kali aktiviti terbabit dilakukan kesannya tidak banyak berubah.

Headline	Padi wangi MRQ76 setaraf beras wangi import		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	10 Jun 2019	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	11,025
Page No	6	Readership	33,075
Language	Malay	ArticleSize	192 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 425
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,276



Padi wangi MRQ76 setaraf beras wangi import

KOTA BHARU: Padi wangi varieti MRQ76 yang berjaya dalam tanaman ujiannya di Selising, Pasir Puteh membuktikan bahawa padi berkenaan adalah setaraf dengan beras wangi yang diimport dari Thailand dan Vietnam.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Senator Datuk Husam Musa sehubungan itu mahu lebih ramai pesawah dalam seliaan KADA menyahut seruan kerajaan untuk menanam padi wangi tempatan itu.

"Saya gembira apabila padi ini berjaya dalam ujian tanamannya yang sesuai untuk tanaman di negara kita. Padi ini setaraf kualitinya dengan beras wangi import yang kita makan dan ia sangat sesuai untuk kesihatan terutama pesakit diabetes," katanya baru-baru ini.

Husam berkata, untuk itu beliau akan berbincang lebih lanjut dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub untuk melihat berapa peratus jelapang KADA yang boleh ditanam padi wangi itu.

"Menteri sendiri gembira apabila melihat keberhasilan padi ini dan telah menyatakan sokongan bagi KADA dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah untuk menjadi projek perintis untuk penanaman padi ini," katanya.

Selain itu, pesawah akan menikmati subsidi kerajaan jika menanam padi wangi itu yang sebelum ini tidak pernah dinikmati oleh pesawah jika mahu menanam padi wangi.

"Ini kali pertama subsidi

diberikan kepada penanam padi wangi dan sebab itu petani tidak ada alasan untuk tidak menanamnya," kata Husam.

Dengan harganya yang tinggi iaitu RM40 bagi setiap paket lima kilogram, ia mampu mengubah hidup para pesawah. Bagaimanapun, katanya, tidak semua jelapang KADA boleh ditanam padi wangi kerana ia tertakluk kepada kebenaran kementerian.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pengusaha Padi Wangi Kelantan, Zailan Awang berkata kejayaan tanaman padi ini setelah dua kali penanamannya gagal berikutan beberapa faktor terutama kemarau baru-baru ini.

"Alhamdulillah selepas kali ketiga ia berjaya dan kini padi wangi ini telah mengeluarkan hasil dan ini setelah petani mendapat kerjasama Mardi dan KADA," katanya.

Beliau berharap lebih ramai petani merebut peluang untuk menanam padi ini dan mengharapkan kementerian melalui KADA akan dapat menyediakan benih padi ini dengan secukupnya.

Zailan berkata, persatuan itu akan mengadakan pertemuan dengan pesawah lain dan akan menerangkan dengan lebih panjang mengenai kebaikan menanam padi wangi ini.

Sehubungan itu, katanya, beras wangi jenama Che Siti Wan Kembang itu akan berada di pasaran jika ia berjaya mengatasi beberapa masalah berbangkit termasuk membabitkan jumlah pengeluaran dan pasaran. - Bernama

Headline	Homegrown MRQ76 equal to imported fragrant rice		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	10 Jun 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	6	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	170 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 474
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,422



Homegrown MRQ76 equal to imported fragrant rice

KOTA BHARU: The Kemubu Agricultural Development Authority (KADA) would like more padi farmers to take up growing the MRQ76 variety of fragrant rice which was successfully trial planted in Selising, Kelantan and is considered on par with rice imported from Thailand and Vietnam.

KADA chairman, Senator Datuk Husam Musa, said: "I was happy to hear the news that the rice can be cultivated here. Its quality is comparable to the imported fragrant rice which we usually eat and suitable for people with diabetes."

He said discussions will be held with the Agriculture and Agro-based Industry Minister, Datuk Salahuddin Ayub, to determine the proportion of fields to be grown with MRQ76.

"The minister was glad the trial was fruitful and has said he will support KADA and MADA's (Muda Agriculture Development Authority) MRQ76 pioneering project," Husam told Bernama recently.

He said MRQ76 planters will be helped with a government subsidy, adding "this will be the first time it is being offered to fragrant rice growers," so farmers should capitalise on the opportunity as the price of fragrant rice - at RM40 per 5kg bag - could improve their income.

Kelantan Fragrant Rice Growers' Association chairman, Zailan Awang, said: "Alhamdulillah, after three tries we were successful, and after growers received help from MARDI (Malaysian Agricultural Research and Development Institute) and KADA."

He expressed hope that even more farmers will grab this opportunity and that KADA will have enough seeds for everyone.

He said that he will be meeting up with farmers to promote MRQ76's potential, adding as well that the Che Siti Wan Kembang brand of fragrant rice will be available after things like production and marketing matters have been worked out. - Bernama